



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***ELEMEN YANG MEMUDAH CARA PEMIKIRAN MORAL GURU PELATIH
PENDIDIKAN MORAL***

NORZIHANI BINTI SAHARUDDIN

FPP 2014 32



**ELEMEN YANG MEMUDAH CARA PEMIKIRAN MORAL GURU PELATIH
PENDIDIKAN MORAL**

Oleh

NORZIHANI BINTI SAHARUDDIN

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

Mac 2014

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

**DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA
PENYAYANG**

SELAWAT DAN SALAM BUAT RASUL JUNJUNGAN MULIA

Buat mak dan abah yang dikasihi, Khuzaimah Binti Abdul Jalal dan Saharuddin Bin Kadri. Segala jasa, pengorbanan dan kasih sayang kalian dalam melahirkan, mendidik dan membesarkan diri ini tidak terbalas walau dengan apa pun. Dedikasi untuk adik-beradik (Zakiah, Mila Ziana, Mohd. Azwan dan Noramira) yang disayangi atas doa yang tidak pernah jemu.

Untuk suami yang dicintai, Muhammad Hisyam bin Mesri, terima kasih yang tidak terhingga di atas kesabaran, ketabahan dan kesetiaan dalam menemani perjuangan ini. Buat permata cintaku, Muhammad Danish bin Muhammad Hisyam, kehadiran dan keletah manjamu, membuatkan diri ini lebih bersungguh-sungguh dalam berusaha menyiapkan kajian ini.

Sesungguhnya doa dan suntikan semangat yang kalian berikan memberikan seribu satu kekuatan kepada diri ini dalam mengharungi cabaran yang datang. Segala pengorbanan kalian akan terpahat di ingatan dan mudah-mudahan ilmu yang ditimba mendatangkan manfaat berterusan untuk dunia dan akhirat. Insya Allah.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**ELEMEN YANG MEMUDAH CARA PEMIKIRAN MORAL GURU
PELATIH PENDIDIKAN MORAL**

Oleh

NORZIHANI BINTI SAHARUDDIN

Mac 2014

Pengerusi : Nur Surayyah Madhubala Abdullah, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk memahami dan menerangkan elemen-elemen yang memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral. Pemikiran moral merupakan salah satu aspek penting yang perlu dimiliki oleh guru Pendidikan Moral untuk digelar sebagai guru yang berkualiti. Kurangnya keupayaan guru dalam aspek pemikiran moral boleh menjadi punca mereka kurang berupaya menyampaikan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral dengan efektif. Kajian ini dijalankan untuk menjawab dua persoalan kajian berikut: (1) Apakah elemen-elemen yang memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral? (2) Apakah elemen-elemen dalam kursus-kursus teras program Bachelor Pendidikan (Pendidikan Moral) memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral? Reka bentuk kajian kualitatif menggunakan pendekatan kajian kes dipilih untuk menjawab persoalan kajian ini. Peserta kajian ini dipilih berdasarkan ujian saringan yang menggunakan 'Skala Pemikiran Moral'. Seterusnya, teknik temu bual semi berstruktur digunakan untuk mengumpul data daripada 7 peserta kajian yang terdiri daripada guru pelatih Pendidikan Moral yang berada di tahun akhir pengajian. Data telah dianalisis dengan membina kategori dan tema bagi menjawab persoalan kajian ini. Kajian ini menemui bahawa terdapat empat elemen yang memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral iaitu elemen keluarga, agama, rakan sebaya dan jati diri. Ia juga mendapati bahawa terdapat dua elemen di dalam Program Bachelor Pendidikan (Pendidikan Moral) yang memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral iaitu pengalaman kursus dan strategi pembelajaran aktif. Oleh itu program penyediaan guru Pendidikan Moral sedia ada perlu mempertimbangkan keperluan elemen pemudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral untuk menghasilkan guru yang berkualiti.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Master of Science

ELEMENT THAT FACILITATE THE MORAL THINKING OF MORAL EDUCATION STUDENT TEACHERS

By

NORZIHANI BINTI SAHARUDDIN

March 2014

Chair : Nur Surayyah Madhubala Abdullah, PhD

Faculty : Educational Studies

This study aims to understand and explain the elements that facilitate post-conventional moral thinking of Moral Education student teachers. Moral thinking is one of the important aspects that Moral Education teachers should have to become effective teachers. Incapability of Moral Education teachers in moral reasoning cause ineffective process of teaching and learning. This study was conducted to answer two research questions: (1) What are the elements that facilitate post-conventional moral thinking of Moral Education student teachers? (2) What are the elements in the Bachelor of Education (Moral Education) course facilitate post-conventional moral thinking of student teachers? Qualitative research design using a case study approach was chosen to answer the research questions. Participants were selected based on the screening tests called 'Moral Thinking Scale'. Semi-structured interview technique was used to collect the data from 7 participants consisting of the final year Moral Education student teachers. Data were analyzed based on the categories and themes to answer respective research questions. This study had found that four elements which facilitate post-conventional moral thinking of Moral Education student teachers. These elements were family, religion, peers and attitude. In addition, the results also shown that there were two elements in Bachelor of Education (Moral Education) course that facilitate post-conventional moral thinking of Moral Education student teachers such as courses experience and the practice of active learning pedagogy. Therefore, Moral Education teacher's preparation programmes should consider the importance to incorporate these elements in current programmes to facilitate post-conventional moral reasoning of Moral Education student teachers and eventually producing quality teachers.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya maka kajian ini dapat disiapkan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Dr. Nur Surayyah Madhubala Abdullah selaku penyelia tesis ini atas dedikasi beliau dalam membimbing, membantu dan mendorong saya sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih ini turut ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Samsilah binti Roslan atas panduan juga dorongan yang diberikan. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih ini ditujukan khas buat Prof. Emeritus Abdul Rahman bin Md. Aroff yang bertindak selaku mentor saya, juga tidak lupa kepada semua pensyarah yang pernah mengajar saya, rakan-rakan seperjuangan dan kakitangan di Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan yang banyak membantu saya selama ini.

Saya turut berterima kasih kepada semua peserta kajian dari kalangan guru pelatih Pendidikan Moral yang terlibat dalam kajian ini. Penghargaan ini juga ditujukan buat suami tercinta, mak abah dan adik-beradik yang sentiasa memberikan sokongan padu dalam menyiapkan tesis ini. Akhir sekali, ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak dalam membantu saya menyiapkan tesis ini.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat kepada keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Nur Surayyah Madhubala Abdullah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Samsilah binti Roslan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

PERAKUAN

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- melainkan petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: _____

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB

1	PENDAHULUAN	
1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang	1
1.1.1	Pendidikan Moral di Malaysia	3
1.1.2	Guru Pendidikan Moral	4
1.2	Pernyataan masalah	6
1.3	Tujuan dan Objektif Kajian	8
1.4	Soalan Kajian	8
1.5	Definisi Operasional	8
1.5.1	Pemikiran Moral	8
1.5.2	Pemikiran Moral Pasca-konvensional	9
1.5.3	Memudah cara	9
1.5.4	Elemen-elemen yang Memudah cara	9
1.5.5	Gaya pengajaran	10
1.5.6	Teknik	10
1.6	Kepentingan Kajian	10
1.7	Batasan Kajian	11
1.8	Rumusan	12
2	SOROTAN LITERATUR	
2.0	Pengenalan	13
2.1	Konsep Pemikiran Moral	13
2.2	Kajian Berkenaan Elemen yang Memudah cara Pemikiran Moral	14
2.2.1	Keluarga dan pemikiran moral	14
2.2.2	Agama dan pemikiran moral	17
2.2.3	Rakan sebaya dan pemikiran moral	19
2.2.4	Jati diri dan pemikiran moral	20
2.3	Pengalaman kursus dan Pemikiran Moral Guru Pelatih (PM)	21
2.4	Pembelajaran Aktif dan Pemikiran Moral Guru Pelatih (PM)	23

2.5	Teori Asas Kajian	24
2.5.1	Teori Perkembangan Moral Kognitif Jean Piaget (1932)	25
2.5.2	Teori Perkembangan Moral Kognitif Kolhberg (1976)	25
2.5.3	Teori Sosiologi oleh Emile Durkheim (1961)	27
2.5.4	Teori Perkembangan Moral oleh Barry Sugarman (1973)	27
2.6	Kerangka Teori Kajian	28
2.7	Rumusan	29
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.0	Pengenalan	31
3.1	Reka bentuk Kajian Kualitatif	31
3.1.1	Reka bentuk Kajian Kualitatif Menggunakan Pendekatan Kajian Kes	32
3.2	Persampelan	35
3.2.1	Kriteria Pemilihan Peserta Kajian	36
3.2.2	Latar Belakang Peserta Kajian	37
3.2.3	Lokasi Kajian	40
3.2.4	Jangka Masa Kajian	40
3.3	Kaedah dan Tatacara Prosedur Pengumpulan Data	41
3.3.1	Temu Bual Semi Berstruktur	41
3.3.2	Pemerhatian	42
3.3.3	Analisis Dokumen	43
3.4	Instrumen Kajian	44
3.4.1	Protokol Temu Bual	44
3.4.2	Protokol Pemerhatian	45
3.4.3	Protokol Analisis Dokumen	45
3.5	Kajian Rintis	46
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	47
3.7	Prosedur Penganalisan Data	48
3.7.1	Penyaringan dan Pengekodan Data	49
3.7.2	Pemaparan Data	50
3.7.3	Merumuskan Data	50
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	50
3.8.1	Kesahan	51
3.8.2	Kebolehpercayaan	51
3.9	Mengelak Bias Pengkaji	53
3.10	Rumusan	54
4	DAPATAN KAJIAN	
4.0	Pengenalan	55
4.1	Dapatan Kajian	55
4.2	Dapatan Persoalan Kajian 1: Elemen-elemen yang memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional	

	guru pelatih Pendidikan Moral	56
4.2.1	Keluarga	56
	4.2.1.1 Interaksi Keluarga	56
	4.2.1.2 Didikan Keluarga	58
	4.2.1.3 Status Sosio Ekonomi Keluarga	59
4.2.2	Agama	60
	4.2.2.1 Pegangan agama	60
4.2.3	Rakan sebaya	62
	4.2.3.1 Kemahiran Interpersonal	62
	4.2.3.2 Empati	63
4.2.4	Jati diri	64
4.3	Rumusan Dapatan Persoalan Kajian 1	65
4.4	Dapatan persoalan kajian 2 : Elemen-elemen dalam kursus-kursus teras program Bachelo Pendidikan (Pendidikan Moral) memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral	66
4.4.1	Pengalaman kursus	66
	4.4.1.1 Kursus yang mempunyai ‘kandungan moral’ eksplisit	66
	4.4.1.2 Kursus yang mempunyai ‘kandungan moral’ tersirat	67
4.4.2	Pembelajaran Aktif	70
	4.4.2.1 Perbincangan dalam kumpulan	70
	4.4.2.2 Pengajaran dua hala-penysoalan dan merespon soalan pelajar	73
4.5	Rumusan Dapatan Persoalan Kajian 2	75
4.7	Rumusan Keseluruhan	76
5	KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.0	Pendahuluan	77
5.1	Kesimpulan Dapatan	77
5.2	Implikasi Kajian	80
	5.2.1 Implikasi Teoritikal	80
	5.2.2 Implikasi Terhadap Penyediaan Guru	82
5.3	Cadangan	83
5.4	Penutup	85
	RUJUKAN	86
	LAMPIRAN	108
	BIODATA PELAJAR	109
	SENARAI PENERBITAN	110

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.2.2	Latar Belakang Peserta Kajian	39




SENARAI RAJAH

Jadual		Muka Surat
3.1	Kerangka Kajian	35
3.5	Carta Alir Pelaksanaan Kajian Rintis	47
4.3	Rumusan Dapatan Persoalan Kajian 1	65
4.5	Rumusan Dapatan Persoalan Kajian 2	76
5.1	Kesimpulan Dapatan Kajian	79



SENARAI SINGKATAN

PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
MJI	<i>Moral Judgement Interview</i>
DIT	<i>Defining Issues Test</i>
JKKP	Jawatankuasa Kabinet Kementerian Pendidikan
PM	Pendidikan Moral
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
MCMP	<i>The Measure of Classroom Moral Practices</i>



BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025 yang menggariskan hala tuju pendidikan negara bagi tempoh 22 tahun, telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 12 September 2012. Agenda penting yang ingin dicapai dalam PPPM adalah hasrat pihak kerajaan untuk melonjakkan kualiti pendidikan di Malaysia ke tahap antarabangsa, baik dari sudut guru, kemudahan pendidikan, pembangunan kurikulum, pembangunan pelajar mahupun kemahiran berfikir. Sejalan dengan itu, anjakan ketiga dalam PPPM menggariskan matlamat untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang menghayati nilai melalui memperkukuhkan Pendidikan Islam, Moral dan Sivik dan meningkatkan pedagoginya. Melalui pelan ini, impak yang dijangkakan terhadap murid adalah, apabila menamatkan persekolahan, murid akan mempunyai pengetahuan dan kemahiran bertaraf dunia, nilai moral yang tinggi, dan berupaya bersaing dengan rakan sebaya dari negara lain.

Bagi mencapai matlamat penghasilan modal insan yang mempunyai pemikiran moral yang matang, adalah penting untuk terlebih dahulu memastikan bahawa guru benar-benar bersedia dari segi kemampuan untuk mengajar dan memiliki daya pemikiran moral yang tinggi. Sebagai contoh, guru perlu mempunyai kemahiran untuk membincangkan isu moral dalam kelas dan mempunyai keupayaan yang tinggi dalam pemikiran moral. Hal ini kerana, hanya guru-guru yang memiliki pemikiran moral yang matang mampu memudah cara murid untuk berfikir pada aras pemikiran moral yang lebih tinggi. Justeru bagi merealisasikan pelan ini, anjakan dalam program-program penyediaan guru khususnya guru Pendidikan Moral dilihat sebagai suatu langkah yang sangat penting.

1.1 Latar Belakang

Seperti yang telah dijelaskan di awal tadi, penyediaan dan pembentukan guru telah menjadi tumpuan yang semakin penting bagi proses transformasi pendidikan seperti yang digariskan dalam PPPM 2012-2025. Penghasilan guru Pendidikan Moral yang berkualiti tinggi adalah asas dalam mencapai matlamat program Pendidikan Moral yang efektif dan mampu melahirkan murid yang menghayati nilai dan mempunyai pemikiran moral yang tinggi. Guru Pendidikan Moral yang dikatakan sebagai berkualiti bukan sahaja sepatutnya berkemahiran dalam kandungan subjek, malahan berkebolehan untuk mewujudkan situasi pembelajaran yang kondusif dalam meningkatkan perubahan struktur pemikiran moral murid. Hal ini turut dinyatakan oleh Kohlberg & Mayer (1972) bahawa, guru Pendidikan Moral yang baik harus

berkemahiran untuk menggalakkan interaksi dalam kelas yang merangsang pemikiran moral pasca-konvensional murid.

Salah satu pengisian dalam PPPM adalah, menitikberatkan peranan guru sebagai agen transformasi pendidikan dalam merealisasikan misi untuk keberhasilan murid yang matang dari aspek kognitif dan menghayati nilai. Pengisian PPPM ini, adalah bertepatan dengan salah satu objektif sukatan pelajaran Pendidikan Moral KBSM, iaitu mengembangkan pemikiran rasional berasaskan nilai moral dan rohani dalam membuat keputusan bermoral dan menyelesaikan masalah di kalangan murid. Sukatan pelajaran Pendidikan Moral menekankan aspek-aspek kerohanian, kemanusiaan, sosial dan pembentukan nilai individu. Sukatan pelajaran Pendidikan Moral turut menekankan pemupukan dan penghayatan nilai murni yang terdapat dalam masyarakat Malaysia, berdasarkan pelbagai tradisi agama dan budaya, masyarakat yang berbeza dan juga sejajar dengan nilai-nilai sejagat. Objektif am Pendidikan Moral di sekolah rendah dan sekolah menengah adalah pembentukan individu yang mengiktiraf, menerima, dan mengenal pasti peranan mereka sebagai pembuat keputusan yang bertanggungjawab mengenai nilai moral dalam masyarakat yang demokratik. Oleh itu adalah menjadi satu keperluan bagi guru Pendidikan Moral untuk memiliki pemikiran moral yang matang sekurang-kurangnya peringkat pasca-konvensional bagi memastikan aspirasi yang ingin dicapai terlaksana.

Pemikiran moral ditakrifkan sebagai aspek tertentu perkembangan moral yang memberi tumpuan kepada keupayaan kognitif individu untuk memahami moral dalam konteks keadaan (Mensch 2009). Gibbs, Basinger & Fuller (1992), mendefinisikan pemikiran moral sebagai sebab-sebab atau justifikasi yang dipegang oleh individu untuk menghasilkan sesuatu keputusan moral yang rasional. Justeru, sepatutnya, guru Pendidikan Moral perlu mempunyai pemikiran moral yang baik untuk memudah cara pemikiran moral murid. Pemikiran moral timbul daripada proses automatik yang bergantung pada pemikiran sedar terhadap prinsip-prinsip umum (Haidt, 2001; Mikhail 2009). Sebagai contoh, guru Pendidikan Moral yang berkualiti sewajarnya mampu untuk mengendalikan perbincangan isu moral dalam bilik darjah dan memudah cara murid untuk berfikir melalui perbincangan tersebut. Hal ini kerana menurut Mayhew (2008), perbincangan isu-isu moral dalam kuliah mampu meningkatkan keupayaan berfikir di kalangan pelajar.

Namun jika guru sendiri hanya mempunyai tahap pemikiran moral yang cetek, matlamat untuk merangsang murid membuat pertimbangan secara rasional ke arah bertindak secara bermoral dalam situasi berbeza sukar untuk dicapai. Hal ini menimbulkan persoalan tentang kualiti latihan yang diterima dalam program yang mengkhusus kepada program penyediaan guru Pendidikan Moral. Adakah pengalaman latihan yang diterima di institusi pengajian tinggi masih belum cukup untuk menyediakan guru Pendidikan Moral yang mempunyai pemikiran moral yang mendalam?

Menurut Rahimah (1998), daripada pemerhatian yang dijelankannya, guru pelatih tidak tahu untuk berfikir secara kreatif dalam mengintegrasikan nilai moral dalam aktiviti pengajaran mereka untuk memudah cara pemikiran moral murid. Dapatan kajian luar negara tentang pemikiran moral guru pelatih mendapati bahawa apabila

diukur menggunakan MJI (*Moral Judgement Interview*) kebanyakan guru pelatih itu hanya berada pada tahap pemikiran moral konvensional sahaja (Teranzeni, 2005); sedangkan Kohlberg (1972), menyatakan bahawa guru perlu berada pada pemikiran moral yang lebih tinggi (pasca-konvensional) untuk menggalakkan murid berfikir pada tahap pemikiran moral yang tinggi. Ini bermaksud, seorang guru Pendidikan Moral perlu mempunyai pemikiran moral yang matang. Temu bual dengan beberapa orang penyelia (yang berpengalaman lebih daripada 5 tahun) guru pelatih Pendidikan Moral yang menjalani latihan mengajar, mendapati antara komen yang diberikan adalah, guru-guru pelatih itu kurang berkemahiran dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka bagi menggalakkan proses berfikir di kalangan murid. Rata-rata mereka gagal dalam mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang bersifat dua hala dalam memudah cara pemikiran moral murid.

Hal ini menimbulkan persoalan tentang bagaimanakah status pemikiran moral guru pelatih, kerana ia mempunyai implikasi terhadap kualiti guru Pendidikan Moral yang bakal dihasilkan. Terdapat pelbagai elemen yang menyumbang ke arah perkembangan pemikiran moral. Mengikut Sabin (2006), walaupun elemen yang membawa kepada perkembangan pemikiran moral agak bertindih dan masih belum dikaji sepenuhnya, dapatan penyelidikan lalu telah mengenal pasti bahawa terdapat pelbagai elemen yang menyumbang ke arahnya. Bagaimanapun, di Malaysia tiada kajian khusus tentang elemen-elemen yang memudah cara keupayaan pemikiran moral guru pelatih Pendidikan Moral dijalankan. Oleh itu, satu kajian perlu dibuat untuk memahami fenomena pemikiran moral guru pelatih Pendidikan Moral.

1.1.1 Pendidikan Moral di Malaysia.

Laporan Jawatankuasa Kabinet Kementerian Pendidikan (1979) menyatakan "sistem pendidikan negara perlu melahirkan individu yang sesuai dengan matlamat pembangunan manusia". Ini bermakna pendidikan di Malaysia mestilah menjurus ke arah membangunkan individu yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, aspek-aspek rohani, emosi dan fizikal. Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memutuskan bahawa Pendidikan Moral (PM) perlu diperkenalkan dalam kurikulum sekolah sebagai mata pelajaran wajib di peringkat rendah dan menengah. Pada peringkat sekolah menengah, Pendidikan Moral diajar untuk kali pertamanya sebagai subjek teras pada 1989 dengan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Pada 1983 Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah dilaksanakan. Pada tahun berkenaan, mata pelajaran Pendidikan Moral secara rasmi diperkenalkan sebagai mata pelajaran teras untuk Tahun Satu di semua sekolah rendah di seluruh Malaysia. Program ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, dan telah terlaksana sepenuhnya pada 1988.

Seterusnya, Pendidikan Moral diwajibkan untuk tahun satu hingga enam. Bermula pada 1989, sejajar dengan pelaksanaan KBSM, Pendidikan Moral telah diperkenalkan kepada semua sekolah menengah di Malaysia. Menjelang 1993, semua sekolah rendah dan menengah telah melaksanakan Pendidikan Moral sebagai mata pelajaran teras dalam kurikulum sekolah mereka. Pada akhir 1993, kohort

pertama pelajar bukan Islam Tingkatan 5 menduduki peperiksaan Pendidikan Moral untuk Sijil Pelajaran Malaysia. Kurikulum pertama untuk Pendidikan Moral terdiri daripada 16 nilai yang dipraktikkan dan dipelihara oleh individu dan masyarakat. Nilai-nilai ini adalah penting untuk memastikan interaksi yang sihat di antara individu bersama keluarga, rakan-rakan, masyarakat dan institusi lain (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1988).

Dalam sukatan pelajaran Pendidikan Moral pertama (1988), Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara menyediakan prinsip panduan asas untuk Pendidikan Moral berasaskan kepada nilai kepercayaan. Bagaimanapun dalam sukatan pelajaran yang disemak semula, Wawasan 2020 Malaysia telah dimasukkan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2000). Wawasan 2020 adalah satu ideologi yang dicadangkan oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu. Wawasan itu terdiri daripada sembilan cabaran yang perlu dihadapi negara dalam usaha membangunkan komuniti global (Mahathir Mohamad, 1991). Intipati Wawasan 2020 telah dimasukkan ke dalam kandungan sukatan pelajaran Pendidikan Moral yang disemak semula untuk sekolah menengah. Sehingga ke hari ini, ia masih digunakan dalam sukatan pelajaran Pendidikan Moral di Malaysia.

Walaupun pelbagai langkah dan cara telah dilakukan, namun hakikatnya pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah dilihat masih kurang memuaskan. Justeru, langkah yang lebih efektif perlu diambil dengan meneliti segenap sudut termasuklah isu latihan guru Pendidikan Moral itu sendiri yang diketengahkan oleh kajian ini.

1.1.2 Guru Pendidikan Moral

Menurut Al-Ghazali (1951), guru adalah contoh dan panduan moral dan pengajar kepada pelajar-pelajar. Oleh itu, adalah penting bahawa hidup guru sendiri perlu selaras dengan nilai yang diajarkan, ini kerana pelajar-pelajar ini lebih cenderung untuk belajar dengan meniru tingkah laku guru berbanding belajar daripada apa yang guru katakan (Zamiri, 1995). Tugas guru tidak terhad kepada menyampaikan pengetahuan, bahkan melibatkan tanggungjawab untuk perkembangan potensi keseluruhan pelajarannya, termasuk personaliti, watak, pemikiran moral, keupayaan membuat keputusan dan bertingkah laku baik. Al-Ghazali (1952), berpendapat bahawa kanak-kanak harus mempunyai pengalaman berhadapan dengan masalah dan kesukaran diri supaya mereka boleh belajar untuk menyelesaikan atau bertolak ansur dengan kerumitan hidup. Guru adalah seperti seorang bapa kepada pelajar di mana hubungan yang terjalin adalah berlandaskan rasa hormat dan kepercayaan.

Malah, hubungan antara guru dan murid bersifat saling menguntungkan, di mana manfaat murid daripada bimbingan dan sokongan guru menjadikannya berkembang ke arah kematangan pemikiran moral dan faedah terhadap guru pula adalah peluang untuk melaksanakan tanggungjawab moral beliau (Al-Ghazali, 1898). Menurut Al-Ghazali (1898), pendidikan Moral hanya akan benar-benar efektif jika pelajar menghayati pelajaran yang dipelajari dengan mengamalkannya dalam hidup

seharian. Oleh sebab itu, guru perlu melibatkan diri dalam memupuk tabiat yang baik dalam diri pelajar. Di mana murid lebih cenderung untuk bertindak balas secara positif kepada guru jika dia melayan mereka dengan baik dan mengelakkan kemunafikan.

Bar-Yam, Kohlberg, dan Naame (1980) mendapati, keupayaan pemikiran moral pengajar mempunyai pengaruh kuat ke atas pemikiran moral guru pelatih. Satu kajian literatur oleh Pascarella dan Terenzini (2005) mendapati bahawa perkembangan pemikiran moral seseorang itu berkait dengan pendedahan individu itu kepada individu lain yang mempunyai pemikiran moral yang tinggi. Pelajar menghabiskan masa yang agak panjang untuk kuliah, jadi tidak hairan jika dikatakan pengajar mampu memudah cara pemikiran moral pelajar melalui pengajarannya. Menurut O'Keefe & Johnson (1989), secara spesifik pensyarah atau pengajar yang mempunyai keupayaan pemikiran moral tinggi mampu untuk lebih empati terhadap pelajar, lebih bertoleransi dalam melontarkan pandangan dan lebih fleksibel dalam pengajaran mereka, mampu memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional pelajar.

Oleh demikian, amat penting untuk memastikan bahawa guru Pendidikan Moral mempunyai pemikiran moral yang matang. Ini selari dengan dapatan kajian oleh Beyer (1997), kemampuan guru untuk memahami menerusi pemikiran moral tertentu dalam pengajaran dan pembelajaran adalah amat penting dalam berhadapan dengan masyarakat demokratik yang wujud di sekolah termasuk murid-murid. Guthrie, King & Palmer (2000) mendapati guru-guru yang mempunyai pemikiran moral yang matang berada pada perkembangan kognitif tinggi dan lebih berupaya untuk bersikap toleransi terhadap kumpulan murid. Manakala guru yang mempunyai pemikiran moral rendah dikatakan sebagai kurang efektif, cenderung untuk membuat penilaian yang kurang tepat terhadap murid yang mempunyai pemikiran moral yang tinggi dan menggunakan pendekatan yang kurang pelbagai dalam pengajarannya (Thies-Sprinthall, 1894; Reiman & Peace, 2002).

Sebagai pemimpin moral yang berkesan, guru-guru moral seharusnya berupaya untuk bertindak secara kritis dan mampu membuat keputusan etika mengenai isu pelajar, sekolah dan masyarakat dengan rasional (Yost, 1997). Beyer (1991), mendapati keupayaan guru membuat pertimbangan dimensi moral dalam bilik darjah adalah penting untuk masyarakat yang demokratik, ini kerana menurut beliau: "Apabila guru tidak mengambil kira dimensi moral dalam pendidikan atau pun kualiti moral dalam mengajar, orang lain dan agensi lain termasuk penerbit buku teks, individu dan organisasi yang mewakili industri atau perniagaan, politik dan pihak yang berkepentingan, ini mempunyai kaitan dengan, guru mempunyai halangan yang besar dalam menentukan perspektif moral yang ingin disampaikan kepada murid dan kurang berkemampuan untuk memudah cara pemikiran moral murid"

Sekiranya guru-guru Pendidikan Moral adalah individu yang akan menerajui peranan kepimpinan moral, maka program pendidikan guru seharusnya bertanggungjawab untuk mengintegrasikan kerja kursus ke dalam kurikulum penyediaan guru demi memupuk pemikiran moral pelajar pendidikan guru (Beyer, 1991; Beyer, 1997; Weber, 1998; Yost, 1997). Menurut Weber (1998): "saya

percaya bahawa program pendidikan guru perlu bermula dengan pembinaan moral dan etika guru pelatih dan pihak universiti mahu pun kolej bertanggungjawab untuk memupuk perkembangan moral pelajar. Jika tugas guru pelatih kita adalah untuk memudah cara kematangan pemikiran moral murid, maka mereka mestilah mempunyai pemikiran moral yang matang serta mampu untuk membuat keputusan berlandaskan prinsip kemoralan. Jika kita menjangkakan bahawa guru akan mendidik tingkah laku murid, maka kita sewajarnya menyediakan mereka dengan kefahaman prinsip kemoralan dan pengalaman pemikiran moral”

1.2 Pernyataan Masalah

Guru Pendidikan Moral yang berkualiti merupakan salah satu aspek penting yang perlu dicapai dalam memenuhi anjakan ketiga PPPM 2012-2025, yang menasarkankan penghasilan murid yang menghayati nilai dan mempunyai tahap pemikiran moral yang tinggi (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012-2025). Kualiti guru Pendidikan Moral dilihat pada aspek keupayaan pemikiran moral guru untuk memahami kemoralan dalam konteks keadaan yang berbeza dengan berupaya menghayati prinsip-prinsip moral walaupun keputusan yang diambil itu bercanggah dengan undang-undang dan peraturan (Mensch, 2009). Oleh itu, guru Pendidikan Moral yang berkualiti mesti mempunyai pemikiran moral yang matang (Mayhew, 2005). Ini bermakna, guru Pendidikan Moral perlu mempunyai tahap pemikiran moral pasca-konvensional dalam memahami dan menyampaikan Pendidikan Moral dengan lebih berkesan. Malangnya, bukan semua guru pelatih khususnya guru pelatih Pendidikan Moral berada pada tahap pemikiran moral pasca-konvensional (Mayhew, 2008). Kurangnya keupayaan mereka dalam aspek pemikiran moral pasca-konvensional boleh menjadi punca mereka kurang kreatif dalam menyampaikan Pendidikan Moral dengan berkesan.

Temu bual dengan beberapa penyelia latihan mengajar guru pelatih Pendidikan Moral, mendedahkan bahawa berdasarkan pengalaman mereka menyelia, didapati kebanyakan guru pelatih yang menjalani latihan mengajar tidak mempunyai kematangan dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral dalam kelas. Mereka kurang berkemahiran dalam mempelbagaikan strategi pengajaran bagi menggalakkan proses berfikir di kalangan murid-murid. Mereka juga gagal mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran kelas yang bersifat dua hala. Ini membayangkan bahawa pemikiran moral guru pelatih Pendidikan Moral perlu difahami, khususnya berkenaan apakah elemen-elemen yang memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional mereka.

Program penyediaan guru mempunyai hubungan dengan ketidakmampuan kebanyakan guru pelatih untuk berada di tahap pemikiran pasca-konvensional (Pascarella, 2008). Ini menunjukkan bahawa semasa mengikuti program penyediaan guru, pemikiran moral guru pelatih itu sendiri tidak berkembang; ataupun atas sebab tertentu, sesetengah guru pelatih Pendidikan Moral gagal berada di tahap pemikiran moral pasca-konvensional. Menurut Aswati (2007), terdapat elemen tertentu yang bertindak sebagai pemudah cara akhlak dan pemikiran moral seseorang. Ini

bermakna elemen-elemen yang memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral kurang diberi perhatian semasa mengikuti program penyediaan guru, justeru menyebabkan guru pelatih tidak berada pada tahap pemikiran pasca-konvensional.

Di Malaysia, amat kurang kajian yang dihasilkan untuk mengenal pasti elemen-elemen yang memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional, khususnya di kalangan guru pelatih Pendidikan Moral. Jika ada pun, kajian yang pernah dijalankan adalah lebih mengkhusus kepada mengenal pasti tahap pemikiran moral murid di sekolah dan perkaitannya dengan tingkah laku delingkuen (Azman, 2001). Seterusnya kajian oleh Aswati (2007), yang mengkaji aspek skema taakulan akhlak di kalangan murid Melayu beragama Islam. Seterusnya, kajian oleh Ahmad Munawwar Ismail (2009), yang mengkaji tentang faktor penyumbang penghayatan akhlak murid-murid di sekolah, mendapati bahawa faktor rakan-rakan adalah penyumbang terbesar kepada penghayatan akhlak. Kajian oleh Abdul Rahman, Mohd Anuar, & Norshahril (2011), bertujuan untuk melihat kesan persekitaran di dalam membangunkan emosi pelajar yang berkait taakulan moral mendapati faktor persekitaran yang paling dominan adalah faktor pengaruh rakan sebaya, diikuti oleh peranan kokurikulum, dan kolej kediaman pelajar. Kajian oleh Maisarah Mohamed Saat (2012), yang mengkaji kesan program Pendidikan Moral terhadap kemampuan pemikiran moral pelajar jurusan akaun, mendapati bahawa faktor sosialisasi dan interaksi dalam persekitaran kerja mampu memudah cara proses pemikiran moral peserta kajian. Seterusnya, kajian oleh Suraiya Ishak & Mohd Yusof Husain (2013) berkenaan keupayaan kognitif moral di kalangan pelajar jurusan Sains Sosial di sebuah institusi pengajian tinggi mendapati bahawa, pelajar semester akhir mempunyai tahap kesedaran moral yang tinggi dengan didorong oleh faktor-faktor tertentu. Terkini adalah kajian oleh Suraiya Ishak (2014) mendapati, perkembangan kognitif moral pelajar dipengaruhi oleh faktor pengalaman semasa kecil yang membuktikan elemen ibu bapa memainkan peranan penting terhadap perkembangan pemikiran moral anak-anak.

Jika diperhatikan, kebanyakan kajian yang dibincangkan tadi melibatkan peserta kajian dari kalangan murid di sekolah mahupun pelajar institusi pengajian tinggi jurusan lain. Oleh demikian, dengan mengambil kira pentingnya aspek pemikiran moral di kalangan guru, lebih-lebih lagi guru Pendidikan Moral, maka kajian ini penting dijalankan untuk memahami elemen-elemen yang memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral. Dapatan kajian ini berguna untuk penambahbaikan kaedah penyampaian kursus-kursus dalam program penyediaan guru, supaya pemikiran moral guru pelatih dapat ditingkatkan ke tahap pasca-konvensional. Sekaligus dapatan kajian ini, dapat menyumbang kepada merealisasikan hasrat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, iaitu penghasilan lepasan sekolah yang memiliki pemikiran moral pada aras yang tinggi, melalui penghasilan guru-guru Pendidikan Moral yang berada pada tahap pemikiran moral pasca-konvensional.

1.3 Tujuan dan Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji fenomena pemikiran moral guru pelatih Pendidikan Moral di sebuah institut pengajian tinggi. Tumpuan diberikan kepada kefahaman secara mendalam terhadap elemen-elemen yang memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral. Secara khusus objektif kajian ini adalah untuk;

1. Mengetahui pasti elemen-elemen yang memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral
2. Mengetahui elemen-elemen dalam kursus-kursus teras program Bachelor Pendidikan (Pendidikan Moral) yang memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral

1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan tujuan dan objektif di atas, kajian ini akan menjawab soalan-soalan berikut;

1. Apakah elemen-elemen yang memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral?
